

10 DEC 1998

PINJAMAN-PERUMAHAN/I

TIADA TANDA BANK TIDAK BERI PINJAMAN PERUMAHAN

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Tiada sebarang tanda bahawa bank-bank tidak memberikan pinjaman perumahan, kata seorang pegawai bank terkemuka di sini, hari ini.

Walaupun terdapat sekatan kredit sebelum ini, pinjaman perumahan terus diberikan kerana ia dianggap pinjaman paling selamat oleh bank-bank, kata Tan Sri Azman Hashim, pengerusi kumpulan perbankan Arab-Malaysian.

Beliau berkata pinjaman perumahan dianggap selamat kerana pembeli-pembeli rumah kebiasaannya konsisten dalam pembayaran balik pinjaman mereka.

"Bagi rakyat Malaysia, rumah adalah perkara paling utama. Mereka mungkin sanggup mengeneipkan untuk membeli kereta atau perkara lain tetapi tidak bagi rumah kerana ia adalah perkara yang paling asas," katanya dalam satu sidang akhbar di sini sempena dengan kempen "Kempen Pemilikan Rumah".

Kes hutang lapuk bagi perumahan adalah yang terendah dan setakat ini tiada sebarang petunjuk jelas bahawa bank-bank tidak memberikan pinjaman untuk membiayai pembelian rumah, tambahnya.

Beliau, bagaimanapun, mengakui sepanjang tempoh kemelesetan apabila sekatan kredit berlaku, pinjaman perumahan terjejas berikutan kekurangan penyediaan mudahtunai.

Beliau menegaskan ketika sekatan kredit, pinjaman perumahan bagaimanapun masih kekal berdaya maju dan dianggap pinjaman "paling selamat" yang boleh diberikan oleh bank.

Azman berkata beliau percaya selepas kempen pemilikan rumah selama sebulan, bank-bank akan bersaing di antara satu sama lain untuk menarik pembeli rumah mendapatkan pembiayaan.

Kempen pemilikan rumah, yang diilhamkan oleh kerajaan, akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu ini. Program itu akan berterusan sehingga 12 Jan tahun depan.

Sementara itu, pengurus besar bahagian perbankan pengguna Maybank Ashraf Ali Abdul Kadir bersetuju dengan pandangan Azman sambil menyatakan Maybank terus membiayai hartanah di bawah RM200,000 sepanjang tempoh kegawatan ekonomi ketika ini.

Mengenai kempen pemilikan rumah itu, Azman juga menggesa orang awam merebut peluang selama sebulan itu untuk memiliki rumah sendiri kerana "ia adalah tempoh serta peluang terbaik bagi pembeli untuk membeli rumah yang murah."

Beliau juga berkata kos pembinaan telah menurun berikutan tempoh kegawatan yang menyebabkan lebih bekalan bahan-bahan binaan.

Mengenai soalan berapa lama pembeli akan memperolehi kelulusan sepanjang kempen sebulan itu, Azman menjawab: "sangat cepat."

-- BERNAMA

LES ZK OS